



مَسْجِدُ سَيِّدِنَا عَلِيٍّ بُوْكِيْتِ سَنْتُوْسَا


MASJID SAIDINA ALI BUKIT SENTOSA  
RAWANG. SELANGOR DARUL EHSAN.

# MESYUARAT RAGUNG PEMBENTANGAN KEWANGAN 2022

(BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021)

DIL : 04-2019/2022





مَسْجِدُ سَيِّدِنَا عَلَى بُوْكِيْتْ سَنْتُوْسَا

MASJID SAIDINA ALI

JALAN ANGGERIK 6, SEKSYEN BS7, BUKIT SENTOSA 2,  
48300 RAWANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL : 03-6021 5776      EMail : [masjidsaidinaali2016@gmail.com](mailto:masjidsaidinaali2016@gmail.com)

**MESYUARAT AGUNG  
PEMBENTANGAN KEWANGAN 2022  
(BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021)**

**BIL : 04-2019/2022**

PADA  
**SABTU**  
**28 MEI 2022**  
**7:30 MALAM**

**DEWAN SOLAT  
MASJID SAIDINA ALI**

# KATA ALUAN TN. NAZIR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah!. Saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana atas limpah dan kurnianya kita sekali lagi kita dapat mengadakan Mesyuarat Agung (Pembentangan Kewangan) kali ke-4 bagi Sessi pentadbiran 2019/2022.

Sepertimana semua ahli kariah sedia maklum, Anggota Jawatankuasa Kariah Masjid bagi sessi 2019/2021 telah dilanjutkan setahun ke akhir 2022.

Saya ingin merakamkan Syabas dan Tahniah! Kepada semua Pegawai dan Anggota Jawatankuasa Kariah (AJK) yang telah berusaha sebaik-mungkin dalam mentadbir rumah Allah SWT ini. Semoga syurgalah ganjarannya. Begitu juga kepada semua ahli Kariah yang dapat mengambil bahagian didalam mesyuarat kali ini.

Kita kini sedang meniti era endemik Covid-19, walaupun masih ada SOP-SOP yang digariskan namun banyak perkara telah dibenarkan atau diper mudahkan. Antaranya, saf kini boleh dirapatkan dengan saiz sejada. Mengimbas barkod MySejahtera kini bukan lagi sesuatu kemestian. Namun begitu, kita masih tidak boleh mengambil mudah dan mestilah sentiasa berwaspada.

Masjid kini sudah hampir mencelah usia 7 tahun, sudah tentulah banyak peralatan makin uzur dan perlu diganti. Antaranya karpet yang telah pudar, kebocoran bumbung yang ketara dan kritisikal malah adalakanya merbahayakan. Dewan masjid juga mengalami kebocoran bumbung yang amat kritisikal dan perlu kepada baik pulih atau penggantian segera.

Pihak masjid sedang berusaha mendapatkan sumbangan dana bagi tujuan ini. Namun, pihak masjid merayu kepada ahli kariah untuk terus-menerus menyumbang kepada kewangan masjid agar masalah ini dapat diatasi segera.

InshaAllah taala, tahun ini Mesyuarat Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Masjid yang baru akan diadakan. Kepada ahli kariah, pilihlah mereka yang mampu memberikan komitmen yang terbaik kepada masjid. Lantiklah seseorang yang layak pada tempatnya. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf sekiranya saya dan seluruh AJK ada tersalah atau tersilap sepanjang kami menjalankan amanah ini. Sesungguhnya kita hanyalah manusia biasa.

Akhir kata, selamat bermesyuarah dengan penuh berhemah, kepada ahli kariah yang ingin melontarkan pandangan, komen atau sebarang cadangan, Tuan-Puan boleh berjumpa atau menghubungi saya sendiri atau menggunakan kotak aduan yang disediakan. Semua cadangan atau komen akan dibiuncangkan pada peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Kariah yang diadakan setiap bulan.

Sekian. Terima Kasih. Hasbunallah Wanikmal Wakil



**MESYUARAT AGUNG**  
**PEMBENTANGAN KEWANGAN 2022**  
(BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021)  
**BIL : 04-2019/2022**


**ATURCARA**

MASA	PERKARA
6:30 PM	PENDAFTARAN (SILA PATUHI SOP COVID-19 SEMASA)
7:10 PM	SOLAT FARDHU MAGHRIB (BERJEMAAH)
7:30 PM	UCAPAN ALUAN PENGERUSI MAJLIS
7:40 PM	BACAAN DOA OLEH USTAZ MOHAMMAD AZAMUDDIN BIN ABDUL AZIZ
7:45 PM	UCAPAN SAHIBUS SAADAH USTAZ MUHAMMAD AMIR HAFIZ BIN MOHD HANAPI TN. NAZIR MASJID SAIDINA ALI
8:00 PM	MESYUARAT BERMULA
8:30 PM	PENANGGUHAN

**MESYUARAT AGUNG**  
**PEMBENTANGAN KEWANGAN 2022**  
(BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021)  
**BIL : 04-2019/2022**

**AGENDA MESYUARAT**

<b>MASA</b>	<b>PERKARA</b>
AGENDA 1	BACAAN SURAH AL-FATIHAH DAN DOA
AGENDA 2	UCAPAN ALUAN TN. NAZIR MASJID SAIDINA ALI
AGENDA 3	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG (PEMBENTANGAN KEWANGAN TAHUN 2021) BIL : 03-2019/2021
AGENDA 4	PEMBENTANGAN LAPORAN AKTIVITI MASJID SAIDINA ALI BAGI TAHUN 2021
AGENDA 5	PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021
AGENDA 6	PEMBINCANGAN USUL DAN CADANGAN
AGENDA 7	PENANGGUHAN



## مَسْجِدُ سَيِّدِنَا عَلِيٍّ بُوْكِيْتِ سَنْتُوْسَا

MASJID SAIDINA ALI

JALAN ANGGERIK 6, SEKSYEN BS7, BUKIT SENTOSA 2,

48300 RAWANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL : 03-6021 5776      EMail : [masjidsaidinaali2016@gmail.com](mailto:masjidsaidinaali2016@gmail.com)

TARIKH :09 MEI 2022

Kepada:

**SEMUA AHLI KARIAH MASJID SAIDINA ALI**

Tuan/Puan,

**MESYUARAT AGUNG PEMBENTANGAN KEWANGAN 2022**

**(BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021)**

**BIL : 04-2019/2022**

Sukacita dimaklumkan, mesyuarat tersebut akan diadakan sebagaimana berikut:

**TARIKH : 28 MEI 2022 (SABTU)**

**TEMPAT : DEWAN SOLAT UTAMA MASJID SAIDINA ALI**

**MASA : 7:30 MLM – 8:30 MLM (SELEPAS SOLAT MAGHRIB)**

2. Agenda mesyuarat :

**2.1 BACAAN SURAH AL-FATIHAH DAN DOA**

**2.2 UCAPAN ALUAN OLEH TN. NAZIR MSA**

**2.3 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG PEMBENTANGAN  
KEWANGAN 2021**

**2.4 PEMBENTANGAN LAPORAN AKTIVITI MASJID SAIDINA ALI BAGI  
TAHUN 2021**

**2.5 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER  
2021**


**2.6 PERBINCANGAN USUL DAN CADANGAN**

**2.7 PENANGGUHAN MESYUARAT**

3. Moga pihak tuan/puan dapat meluangkan masa untuk hadir ke mesyuarat tersebut.
4. Kehadiran tuan/puan amat diharapkan agar perbincangan dan keputusan mesyuarat dapat memberi kebaikan untuk kecemerlangan MSA dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas,



( NOR ARISHAM BIN HAJI BAKAR )  
Setiausaha,  
MASJID SAIDINA ALI  
*c.c. Fail*

<b>TAJUK</b>	<b>MINIT MESYUARAT AGUNG (PEMBENTANGAN TAHUN 2021) SESSI 2019/2022 MASJID SAIDINA ALI</b>
<b>BIL</b>	<b>03-2019/2021</b>
<b>TEMPAT</b>	<b>DEWAN SOLAT MASJID SAIDINA ALI</b>
<b>TARIKH/MASA</b>	<b>KHAMIS 21 OKTOBER 2021 JAM 7:30 MALAM</b>

<b>KEHADIRAN</b>	
MUSLIMIN MUSLIMAT	73 17 <u>90 ORANG (RUJUK LAMPIRAN)</u>
KUORUM	40 ORANG.

<b>AGENDA 1 &amp; 2</b>	<b>BACAAN SURAH AL-FATIHAH, DOA DAN UCAPAN ALUAN TN. NAZIR MASJID SAIDINA ALI</b>	<b>TINDAKAN</b>
	<p>Majlis dipengerusikan oleh Tn. Setiausaha MSA, Tn. Nor Arisham Bin Haji Bakar dengan ucapan terima kasih atas kehadiran kariah yang prihatin terhadap perjalanan dan pengurusan masjid.</p> <p>Beliau juga mengingatkan bahawa semua hadirin berada didalam masjid. Oleh itu adab-adab di dalam masjid hendaklah dijaga dan dipelihara, seperti tidak meninggikan suara dan sebagainya.</p> <p>Beliau juga mengingatkan untuk hadirin tidak membuat komentar secara individu bagi mengelakkan aib. Sekiranya ada contohnya, komen terhadap imam, gunakan perkataan imam secara am dan sebagainya.</p>	<i>MAKLUMAN</i>

	<p>Bacaan doa dipimpin oleh Ustaz Mohd Said Bin Sadali.</p> <p>Ustaz Muhammad Amir Hafiz bin Mohd Hanapi, Nazir Masjid Saidina Ali menyampaikan kata-kata aluan dan dalam ucapan beliau, beliau menyatakan keyakinan penuh kepada kepimpinan Pegawai/AJK sediaada dan percaya bahawa semua ahli kariah dapat terus bersama-sama membantu dan mengimarahkan MSA. Beliau juga memohon para ahli kariah dapat terus menginfak kewangan kepada masjid kerana banyak pembaikan, penambahan dan perancangan sedang diteliti.</p> <p>Beliau seterusnya memberikan mandat untuk mempengaruhi mesyuarat kepada Tn. Setiausaha, Tn. Nor Arisham Bin Haji Bakar.</p>	
--	---	--

AGENDA 3	MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL 03-2019/2021	TINDAKAN
3.1	Minit Mesyuarat Bil 03-2019/2021 dibentangkan oleh Tn. Setiausaha MSA, Tn. Nor Arisham Bin Haji Bakar dengan beberapa pembetulan.	<i>MAKLUMAN &amp; Tindakan Setiausaha</i>
3.2	Tn. Kol. (B) Mohd Rahib Bin Isa meminta agar ejaan di selaraskan mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Tn. Setiausaha mengambil maklum perkara tersebut.	
3.3	En. Muhd Haziq Bin Zamri mencadangkan minit mesyuarat Bil 03-2019/2021 diluluskan. En. Khairi Hafiz menyokong.	

AGENDA 4	MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN AKTIVITI MASJID	TINDAKAN
4.1	Tn. Setiausaha, Tn. Nor Arisham Bin Haji Bakar membentangkan Laporan Aktiviti Lajnah-Lajnah.	<i>MAKLUMAN &amp; Tindakan Setiausaha</i>

4.2	Tn. Nazir memberitahu bahawa kehadapan Laporan Aktiviti Lajnah-Lajnah akan dibentangkan oleh Pengerusi Lajnah tersebut.	<i>MAKLUMAN &amp; Tindakan Setiausaha</i>
4.3	Tn. Lt. Kol. (B) Tn. Hj. Mohd Rahib bin Mohd Isa memohon agar tulisan (font) bagi laporan Lajnah-Lajnah dibesarkan (minima 12 pt)  <b>JAWAPAN :</b> Tn. Setiausaha meminta semua Pengerusi-Pengerusi Lajnah mengambil maklum.	<i>Tindakan Setiausaha/Pengerusi Lajnah-Lajnah</i>
4.4	Tn. Lt. Kol. (B) Tn. Hj. Mohd Rahib bin Mohd Isa bertanyakan mengenai Kuliah Al-Quran.  <b>JAWAPAN :</b> Tn. Nazir memberitahu bahawa Kuliah Al-Quran diadakan setiap malam Isnin bersama Ustaz Adli Rozaimi. Manakala Kelas Pengajian Al-Quran boleh bertemu dengan Imam I MSA, Ustaz Mohammad Azamuddin Bin Abdul Aziz.	

AGENDA 5	PEMBENTANGAN LAPORAN KEWANGAN MSA 2020	TINDAKAN
5.1	Tn. Bendahari, Tn. Ibrahim Bin Alias membentangkan Laporan Kewangan MSA bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.	<i>MAKLUMAN</i>
5.2	Tn. Lt. Kol. (B) Tn. Hj. Mohd Rahib bin Mohd Isa mencadangkan Laporan Kewangan MSA Bagi Tahun Berakhir Disember 2020 diterima dan diluluskan. Tn. Mamat menyokong.	<i>MAKLUMAN</i>
2.3	Lt. Kol. (B) Tn. Hj. Mohd Rahib bin Mohd Isa bertanyakan kos untuk penukaran karpet masjid.  <b>JAWAPAN :</b> Tn. Bendahari memaklumkan bahawa anggaran kos ialah RM64k dan sebahagian dari kos tersebut telah ada.	<i>MAKLUMAN/ Bendahari/</i>

AGENDA 6	USUL DAN CADANGAN	TINDAKAN
6.1	En. Muhd Haziq bertanyakan keperluan Ustaz Kamal Azahari menjadi ‘admin’ Group WhatsApp MSA  <b>JAWAPAN :</b> Tn. Nazir memberitahu kesemua ustaz-ustaz yang mengajar di MSA dan juga Imam-Imam MSA adalah ditawarkan menjadi ‘Admin’ group WhatsApp MSA bagi membolehkan mereka memberi motivasi atau tafsir ayat-ayat untuk ahli-ahli kariah.	<i>MAKLUMAN/ Tindakan AJK</i>

6.2	<p>En. Muhd Haziq bertanyakan kenapa tembok cat masjid di cat dengan warna berlainan.</p> <p><b>JAWAPAN :</b> Tn. Nazir memberitahu bahawa ada ahli-ahli kariah yang mengecat tembok masjid tanpa merujuk kepada Pengurusan masjid. Namun begitu, apabila keadaan mengizinkan, suatu gotong-royong akan dibuat bersama ahli-ahli kariah untuk mengecat semula tembok tersebut.</p>	
6.3	<p>Tn. Mej. (B) Abdul Halim meminta agar kualiti sistem bunyi di tambah-baik</p> <p><b>JAWAPAN :</b> Tn. Nazir memberitahu bahawa kos bagi mendapatkan kualiti sistem bunyi yang baik agak mahal. Namun begitu, pihak Pengurusan masjid akan berusaha memperbaikinya secara berperingkat.</p>	
6.4	<p>Lt. Kol. (B) Tn. Hj. Mohd Rahib bin Mohd Isa bertanyakan adakah parking berbumbung di sayap kanan MSA di khaskan untuk motorsikal sahaja kerana beliau menerima nota layang (tidak diketahui dari siapa)</p> <p><b>JAWAPAN :</b> Tn. Nazir menjelaskan bahawa parkir berbumbung tersebut diinfaq oleh ahli kariah untuk dikhaskan bagi motorsikal sahaja.</p>	

PENUTUP		TINDAKAN
	Mesyuarat Ditangguhkan pada jam 9:30pm dengan Tasbih Kafarrah, Surah Al-Asr dan ucapan Terima Kasih daripada Tn. Nazir.	<i>MAKLUMAN</i>

DISEDIAKAN OLEH :	DI SAHKAN OLEH :
<b>TN. NOR ARISHAM BIN HAJI BAKAR</b>	<b>USTAZ MUHAMMAD AMIR HAFIZ BIN MOHD HANAPI</b>
Setiausaha Masjid Saidina Ali	Tn. Nazir Masjid Saidina Ali

Bertarikh : 1 November 2021

**MESYUARAT AGUNG**  
**PEMBENTANGAN KEWANGAN 2022**  
(BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021)  
**BIL : 04-2019/2022**

**LAPORAN AKTIVITI  
LAJNAH-LAJNAH**

**SENARAI  
ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH  
MASJID SAIDINA ALI  
SESSI 2019/2022**

<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>NOTA</b>
<b>PEGAWAI</b>		
USTAZ MUHAMMAD AMIR HAFIZ BIN MOHD HANAPI	NAZIR	BERMULA OGOS 2019
USTAZ MOHAMMAD AZAMUDDIN BIN ABDUL AZIZ	IMAM I	
USTAZ MOHD FAKRURRAZI BIN ABDULLAH	IMAM II	
TN. MOHAMMAD REDZUAN BIN ZAKARIA	BILAL I	
TN. FAZLAN BIN RAMLI	BILAL II	
TN. HJ. ADNAN BIN OTHMAN	SIAK I	
TN. NORAN BIN ISMAIL	SIAK II	

<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>NOTA</b>
<b>PEGAWAI LANTIKAN MASJID</b>		
USTAZ MOHD SAID BIN SADALI	IMAM III	
USTAZ MUHAMMAD FATHI BIN MOHAMAD ASRI	IMAM IV	
TN. SHAHRIZAL BIN MOHAMED SALLEH	BILAL III	
TN. HJ. AMIN MUNJIRIN BIN AHMAD	BILAL IV	
TN. KAMARULZAMAN AHMAD	SIAK III	

NAMA	JAWATAN	NOTA
<b>ANGGOTA JAWATANKUASA</b>		
TN. MOHD YUSOF BIN ABDUL RAHMAN	TIMBALAN NAZIR	
TN. NOR ARISHAM BIN HAJI BAKAR	SETIAUSAHA	
TN. AHMAD FARHAN IZZAT BIN MOHD YUSOF	PEN. SETIAUSAHA	
TN. IBRAHIM BIN ALIAS	BENDAHARI	
TN. MUHAMMAD BILAL BIN ABU HASAN	PEN. BENDAHARI	
TN. MOHAMAD ZAMIR BIN ZAINUN	AJK	
EN. NORHADI BIN NORDIN	AJK	
CHE HAMID BIN ABDULLAH	AJK	
PN. NORAIN BINTI MOHD KASIM	AJK	
TN. AZMAN BIN JAMIAN	AJK	
TN. RAHMAT BIN DAUD	AJK	SEHINGGA DIS 2021
TN. MUHAMAD NAZIM BIN MOHD SARJIDAN	WAKIL PEMUDA	SEHINGGA MAC 2020
TN. SUKRAM BIN JELANI	PEMANGKU WAKIL PEMUDA	MULAI MAC 2020
PN. NORPISAH BINTI ABDUL RAOF	WAKIL MUSLIMAT	
PN. KHUZAIMAH BINTI ADNAN	PENG. JENAZAH MUSLIMAT	

<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>NOTA</b>
<b>PEMERIKSA KIRA-KIRA</b>		
TN. MUSA BIN AKI	PEMERIKSA KIRA-KIRA I	
TN. MOHAMAD YUSRIZAL BIN YA'ACOB	PEMERIKSA KIRA-KIRA II	


<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>NOTA</b>
<b>PEJABAT</b>		
PN. SHARIFAH SALWA BINTI SYED MOHAMED	PEMBANTU TADBIR	SEHINGGA OKTOBER 2021
PN. HJH. NOOR AMANINA BINTI ZAKARIA	PEMBANTU TADBIR	MULAI OKTOBER 2021
TN. HJ. FAHMI BIN MAT ALI	TUKANG KEBUN	SEHINGGA MEI 2021 (ATAS FAKTOR KESIHATAN)

## **KEKERAPAN MESYUARAT**

<b>PERKARA</b>	<b>KEKERAPAN</b>	<b>NOTA</b>
MESYUARAT JAWATANKUASA KARIAH MASJID SAIDINA ALI	SETIAP BULAN	
MESYUARAT PEGAWAI MASJID	SETIAP BULAN	
MESYUARAT LAJNAH-LAJNAH	SETIAP BULAN	
MESYUARAT BERSAMA SURAU-SURAU	KEPERLUAN	




# CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA KARIAH MASJID SAIDINA ALI



V2.0



# CARTA ORGANISASI PENGURUSAN MASJID SAIDIKA ALI



## **LAJNAH-LAJNAH MASJID SAIDINA ALI**

<b>LAJNAH</b>	<b>PERKARA</b>
DAKWAH	USTAZ MOHD FAKRURRAZI BIN ABDULLAH
EKONOMI	TN. MOHAMAD ZAMIR BIN BASIRUN
PRASARANA	TN. MOHD YUSOF BIN ABDUL RAHMAN
INFORMASI TEKNOLOGI MAKLUMAT	TN. CHE HAMID BIN ABDULLAH
BELIA & SUKAN	TN. AZMAN BIN JAMIAN
KERIAN & SAJIAN	PN. NORAINI BINTI KASIM

**LAPORAN**  
**LAJNAH DAKWAH MASJID SAIDINA ALI**  
**MESYUARAT AGUNG PEMBENTANGAN**  
**(BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER**  
**2021)**

**SENARAI ANGGOTA JAWATANKUASA LAJNAH**

**Penasihat**

Us Muhammad Amir Hafiz bin Mohd Hanafi (Nazir)

**Pengerusi**

Mohd Fakrurrazi bin Abdullah (Imam 2)

**Timbalan Pengerusi**

Muhammad Azamudin bin Abdul Aziz (Imam 1)

**Ahli Jawatankuasa**

Mohd Said bin Sadali (Imam 3)

Fathi bin Asri (Imam 4)

## **TUJUAN / TANGGUNGJAWAB LAJNAH**

Lajnah Dakwah ditubuhkan bagi memberikan informasi tentang program-program dakwah serta memberikan lebih peluang kepada masyarakat untuk mengetahui maklumat semasa berkaitan dakwah. Kami mempunyai VISI untuk menjadikan Lajnah Dakwah sebagai medan untuk menyebarkan Islam ke seluruh kariah Masjid Saidina Ali khususnya dan ke seluruh masyarakat di Malaysia amnya serta MISI kami ialah untuk menjadikan masyarakat mampu memahami Islam dengan sebaiknya.

### **LAPORAN AKTIVITI AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2021**

Hari	Minggu 1	Minggu 2	Minggu 3	Minggu 4	Minggu 5
<b>Isnin</b>	Us Adli Rozaimie (Al-Quran)	Us Zamri Md Isa (Aqidah)	Us Wan Nor (Hadis)	Us Adli Rozaimie (Al-Quran)	
<b>Selasa</b>	Us Hassan (Sirah)	Us Lutfi Muhsin (Hadis)	Us Aziz Lutfi (Aqidah)	Us Kamal Azhari (Akhlak)	
<b>Rabu</b>	Us Wan Shamsudin (Aqidah)	Us Sobirin (Fiqh)	Us Syeikh Mujahid (Tasawuf)	Us Bukhori (Hadis)	Ustaz Jemputan
<b>Khamis</b>	Yasin & Tahlil	Yasin & Tahlil	Yasin & Tahlil	Yasin & Tahlil	
<b>Jumaat</b>	TJ: Us Muhammad KM: Us Hazri Hashim (Fiqh dan Tasawuf)	TJ: Us Azamudin KM: Us Hazri Hashim (Fiqh dan Tasawuf)	TJ: Us Fakrurrazi KM: Us Hazri Hashim (Fiqh dan Tasawuf)	TJ: Us Wan Nor KM: Us Hazri Hashim (Fiqh dan Tasawuf)	

<b>Sabtu</b>	KS: Us Zulkifli Makhtar (Tafsir) KM: Us Akmal (Hadis)	KS: Us Adnan (Al-Quran) KM: Us Johori Md Som (Aqidah)	KS: Us Yusof Din (Dakwah) KM: PU Faiz (Fiqh)	KS: Us Muhammad (Hadis) KM: Us Ibn Hubain (Tasawuf)	
<b>Ahad</b>	KS: Us Wan Shamsudin (Tafsir) KM: Us Najmul Khairi (Akhlak)	KS: Us Ahmad Nazri (Sirah) KM: Daie Farhan (Tasawuf)	KS: Us Fadziluddin (Fiqh) KM: Us Zaid (Tasawuf)	KS: Us Aidol (Aqidah) KM: Us Fahmi Al- Amin (Tasawuf)	

## PERANCANGAN AKTIVITI UNTUK TAHUN 2022

BIL	TARIKH	PROGRAM	PENGLIBATAN	ANGGARAN KOS	CATATAN
1	30 Julai 2022	Sambutan Awal Muharram	Ahli Kariah	RM1000	
2	9 Oktober 2022	Sambutan Maulidur Rasul	Ahli Kariah	RM1000	

## ULASAN

Secara amnya, saya amat berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Saya mengharapkan kerjasama dari semua pihak agar dapat sama-sama melaksanakan segala aktiviti dan perancangan Lajnah Dakwah. Pihak lajnah sangat mengalu-alukan segala cadangan dari ahli kariah demi mengimarahkan Masjid Saidina Ali.

Yang Menjalankan Amanah

*Fakruurrazi*

(Mohd Fakrurrazi bin Abdullah)

Pengerusi Lajnah Dakwah

Masjid Saidina Ali.



## LUJNAH EKONOMI MSA (LE)

### LAPORAN AKTIVITI LUJNAH EKONOMI MSA (LE MSA) TAHUN 2020

Pengerusi : En. Mohamad Zamir b. Zainun  
Setiausaha : Pn. Emelda bt. Utubail Mohamad

AJK : En. Jamali b. Dasuki  
En. Zamri b. Abas

#### Tugasan Lujnah Ekonomi MSA

1. Objektif lujnah ini secara amnya adalah untuk mencari sumber dana masjid melalui aktiviti ekonomi.
2. Membantu melancarkan perjalanan pengurusan masjid dan tugas yang diarahkan bersama-sama pegawai dan anggota AJK yang lain.

#### Pendapatan Tahun 2021

BIL	PERKARA	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
1	Jualan Air Gau Sofa MSA	
2	Sewaan Mesin Air Nano	20,139.15
3	Sewaan Dewan MSA	

#### Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2021

##### 1. Aktiviti Ekonomi

Seperti yang kita sedia maklum, sepanjang tahun 2021, negara kita dan seluruh dunia amnya masih di dalam Pendemik Cov 19, banyak aktiviti termasuk ekonomi masih tidak benarkan seperti:-

- Tiada program besar yang kebiasaan dianjurkan oleh pihak MSA seperti ceramah perdana dan khusus haji oleh pihak Tabung Haji Hulu Selangor. Para peniaga yang sentiasa Bersama menjayakan program ini tidak dapat menjalankan aktiviti perniagaan mereka.
  - Dewan MSA masih belum dapat beroperasi sepenuhnya untuk sewaan majlis resepsi atau seminar.
2. Program Korban MSA 2021
- Program korban telah berjaya diadakan di dalam suasana PKP mengikut SOP JAIS yang ketat
  - Sebanyak sembilan (9) ekor Lembu dan tiga belas (13) ekor kambing telah disembelih dan diuruskan oleh dua puluh (20) orang petugas dari kalangan pegawai, ajk dan anak kariah pada hari raya 1 & 2. Semua daging – daging korban telah diagihkan kepada anak kariah melalui surau – surau.





## LAPORAN LAJNAH PRASARANA MASJID SAIDINA ALI 2021

### VISI & MISI LAJNAH PRASARANA, MSA


Visi

Masjid Sebagai Pusat Peribadatan dan Kemasyarakatan.

Misi

Menyediakan prasarana dan kemudahan yang memberi keselesaan untuk melaksanakan ibadat dan menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

# CARTA ORGANISASI LAJNAH PRASARANA, MSA



# **PROJEK LAJNAH PRASARANA, MSA TAHUN 2021**

## **1. Membuat semula garisan petak tempat letak kereta**

- Membuat semula garisan petak letak kereta yang telah pudar.
- Membuat garisan petak motosikal berbumbung di bahagian kanan masjid.
- Membuat garisan baru tempat letak kereta di petak asal tempat letak motosikal yang dikhaskan untuk VIP, Penceramah, Imam Bertugas, Bilal Bertugas, Siak Bertugas dan petak khas untuk Orang Kelainan Upaya (OKU).
- Menambah petak letak kereta di tempat yang bersesuaian.
- Membuat arah laluan satu hala untuk melancarkan pergerakan kenderaan masuk dan keluar masjid.



<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>Februari 2021</b>
<b>Kos</b>	<b>RM3,000</b>

## **2. Menaik Taraf Ruang Jamuan**

- Menaik taraf semula ruang jamuan dengan struktur yang lebih kukuh dan tahan lama tetapi bukannya binaan yang kekal kerana ruang yang sedia ada tidak mencukupi untuk membuat binaan kekal.
- Ruang ini boleh digunakan untuk aktiviti pelbagai guna seperti aktiviti melapah daging ketika program korban dan sebagainya.



<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>Oktoper 2021 – Januari 2022</b>
<b>Kos</b>	<b>RM80,101</b>

### **3. Membaiki juben di bahagian tangga sayap kanan dan pintu masuk tempat wudhu' / tandas Muslimat**

- Juben di bahagian tangga sayap kanan dan pintu masuk tempat wudhu' / tandas Muslimat telah mengalami kerosakan akibat pemanasan ruang.
- Keria pemberian menggunakan juben yang baru.

<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>Mei 2021</b>
<b>Kos</b>	<b>RM1,700</b>

### **4. Membaiki Kerosakan Tandas Dewan MSA**


- Membaiki tandas dan sinki dalam di kedua-dua tandas Muslimin dan Muslimat di Dewan MSA yang telah mengalami kerosakan dan tidak selesa digunakan.
- Dewan MSA sering digunakan untuk kuliah pengajian, majlis akad nikah, majlis resepsi perkahwinan dan sebagainya.



<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>September 2021</b>
<b>Kos</b>	<b>RM5,300</b>

## **5. Membaiki kebocoran tempat wuduk Muslimin & Muslimat serta bumbung Sayap Kiri**

- Membaiki tempat wudhu' di bahagian Muslimin dan Muslimat yang mengalami kebocoran teruk terutama ketika hujan lebat.
- Bumbung sedia ada menggunakan bumbung jenis fiber yang mengalami kerosakan akibat cuaca panas dan hujan. Bumbung fiber itu ditukar dengan bumbung yang lebih kukuh.
- Membaiki kebocoran di bahagian bumbung sayap kiri dan kanan masjid.



## **6. Menambah awning di bahagian belakang Aniung Sayap Kanan**

- Menambah awning di bahagian belakang anjung sayap kanan bagi mengelak daripada tempias hujan apabila hujan.
- Memudahkan urusan van jenazah untuk membawa jenazah ke dalam bilik pengurusan jenazah ketika hujan.



<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>Oktoper 2021</b>
<b>Kos</b>	-

## **7. PROGRAM GOTONG ROYONG**


<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Butiran</b>
1.	17 Januari 2021	Memotong pokok dan membersihkan kawasan tempat letak van jenazah
2.	20 Mac 2021	Menyembur air, mengecat tembok hadapan masjid dan tembok ruang letak kereta
3.	11 April 2021	Memasang tirai, memcuci sawang, memasang railing, membaiki kipas yang rosak
4.	Ogos – Oktober 2021	Mengecat besi kanopi
5.	19 Disember 2021	Membersihkan sawang dalam Dewan Solat dan ruang limpah Masjid.

## **CADANGAN PROJEK LAJNAH PRASARANA, MSA TAHUN 2022**

1. Menaik taraf papan tanda masjid.
2. Menggantikan karpet dalam Dewan Solat Masjid.
3. Membina penghadang keselamatan di tempat letak kereta di luar Kawasan masjid di jalan utama.
4. Membaiki kebocoran bumbung dan siling Dewan MSA.
5. Membaiki kebocoran bumbung dan siling anjung sayap kiri masjid.

**LAPORAN LAJNAH IT  
MASJID SAIDINA ALI  
UNTUK  
MESYUARAT AGUNG PEMBENTANGAN  
(BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021)**

## CARTA ORGANISASI AHLI JAWATANKUASA LAJNAH IT MSA 2021-2022



BERDIRI DARI KIRI : Che Hamid Abdullah (Ketua), Mohd Hakimi (AJK) dan Pn Rohana Abu Bakar (Setiausaha). Tiada dalam gambar (dari kiri): En Wan Zainuddin , En Amin Abd Rahman , En Mohd Faiz dan Pn Rozie Husein

## **OBJEKTIF PENUBUHAN LAJNAH IT (LITMSA)**

Lajnah IT Masjid Saidina Ali ditubuhkan bagi menyampaikan informasi tentang aktiviti-aktiviti semasa yang dianjurkan Masjid ataupun badan-badan dakwah melalui pelbagai saluran media yang terkini. Kami juga berperanan sebagai medium dakwah khasnya untuk ahli kariah Masjid Saidina Ali. LIT juga berusaha melahirkan pimpinan muda yang boleh menguasai teknologi IT untuk berdakwah kepada masyarakat.

Skop tugas yang digariskan ialah

- Menyelaraskan hebahan aktiviti semasa MSA kepada ahli kariah melalui medium MSA seperti WhatsApp group, Telegram, laman Facebook MSA dan TV MSA
- Membuat rakaman program-program MSA seperti aktiviti kuliah, atau aktiviti-aktiviti umum kepada bentuk digital samada dalam bentuk fotografi, videoclip ataupun facebook live untuk rujukan akan datang
- Mengemaskini info-info secara berkala dalam Sistem Maklumat Multimedia MSA (iMosQ)
- Menganjurkan/menyertai bengkel-bengkel atau latihan-latihan IT bagi meningkatkan kemahiran AJK atau ahli kariah dalam sesuatu perkara

## **AKTIVITI LITMSA TAHUN 2021**

### **1) Bengkel Reka Grafik CANVA – Poster Kuliah & Hebahan Aktiviti Masjid & Surau**

29 Sept 2021

9.15 Malam

Platform Google Meet

Anjuran Pertubuhan Pendakwah Selangor

- Menggunakan aplikasi grafik secara percuma , cepat dan boleh sharing secara teamwork
- Membantu menyediakan poster/grafik yang menarik walaupun tiada kemahiran khusus

Seramai 10 orang peserta didaftarkan dan yuran penyertaan RM10 ada yang sponsored.

Peserta:

1. En Yusuf (AJK MSA)
2. En Nor Arisham (AJK MSA)
3. Che Hamid (LIT)
4. M. Amin Abd Rahman (LIT)
5. Faiz (LIT)
6. Redzuan (AJK MSA)
7. Mohd Yusrizal (AJK MSA)
8. Bonda Rozie (LIT)

**Nota:** *Alhamdulillah.. Hasil dari Bengkel ini kita dapat melahirkan beberapa peserta yang boleh merekacipta poster untuk tujuan hebahan aktiviti kuliah di masjid dan surau-surau secara lebih profesional. Berminat boleh refer link di bawah:*

<https://www.youtube.com/watch?v=DfZAqmwZfIE>

**2) Bengkel Pengurusan Marketing & Pendaftaran Menerusi Google Form (Adv)**

TARIKH: 13 Okt 2021

MASA : 9.15 Malam

TEMPAT: Platform Google Meet

ANJURAN: Anjuran Pertubuhan Pendakwah Selangor

AKTIVITI :

- Penyediaan Borang Menggunakan Google Form
- Mesej Blasting ( Wapsender )

Seramai 2 orang peserta didaftarkan dan yuran penyertaan RM20

1. Che Hamid ( LIT )

2. Rohana ( LIT )

**Nota:** *Alhamdulillah.. Hasil dari Bengkel ini kita dapat meningkatkan kefahaman tentang penggunaan google form secara yang lebih berkesan. Kita juga berpeluang memahirkkan lagi penggunaan WasapSender untuk tujuan semakan pendaftaran secara online*

**3) Bengkel Video Editing SmartPhone**

TARIKH: 13 Okt 2021

MASA : 9.30 Malam

TEMPAT: Platform App Zoom

ANJURAN: Anjuran Akademi Penerangan Pusat

AKTIVITI :

- Mewujudkan content video dakwah / aktiviti Masjid yang menarik
- Strategi menarik masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti Masjid/Surau dengan pendekatan dakwah terkini seperti penggunaan tiktok, instagram dan sebagainya

Seramai 1 orang peserta didaftarkan dan yuran penyertaan RM10

1) Bonda Rozie ( LIT )

**4) Kemaskini Makluman Hebahan dalam group WhatUp!, Fb MSA dan lain-lain media msa**

- Setiap kali ada kuliah samada secara online atau secara fizikal di Dewan Solat Masjid  
Tugasan: Pn Rohana Abu Bakar
- Setiap hari Jumaat LIT mengingatkan ahli kariah untuk membuat sumbangan derma kepada MSA untuk tujuan Bantuan sumbangan kepada Mangsa PKP dan Covid 19.  
Tugasan: Pn Rozie Hussein
- Mengemaskini Media TV Solat MSA – info-info semasa  
Tugasan: Che Hamid Abdullah / Sdr Nor Arisham Abu Bakar (SU)

#### **5) Mengadakan siaran livefb ceramah-ceramah**

- Kuliah berkitab Ust Mohd Hazri Hashim AlBindany (setiap Jumaat malam Sabtu) secara online dari rumah beliau
- Kuliah-kuliah pilihan di MSA
- Tugasan: Sdr Hakimi , Sdr Leman & Che Hamid

#### **6) Membantu Pengurusan Kehadiran Solat Setiap Jumaat sewaktu PKP**


- Mengambil foto semasa
- Semakan status vaksin dalam My Sejahtera
- Semakan Status kehadiran menerusi App Masjid PRO
- Tugasan: Sdr Mohd Amin Abd Rahman , Bonda Rozi, Rohana & Sdr Hakimi

## GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI LAJNAH IT MSA

	
Aktiviti life streaming	Live fb

	
Contoh poster dihasilkan dgn Canva	Contoh poster dihasilkan dgn Powerpoint

	
Aktiviti live streaming	Kerja-kerja Rewiring CCTV

 <p>Masjid Saidina Ali Rawang December 12, 2021 ·</p> <p>KULIAH MAGHRIB DI MASJID SAIDINA ALI, BKT.SENTOSA, RAWANG TARikh: 12/12/2021 (AHAD ) PENCERAMAH : USTAZ DAI AHMAD FARHAN KITAB: KITAB HIDAYATUS SALIKIN RUANG SOLAT UTAMA, MASJID SAIDINA ALI SEMOGA ALLAH MERAHMATI KITA SEMUA .SAYANG ❤️ MSA</p>	 <p>Lujnah IT MSA Official Hannaz Ana · March 19 · UTMSA dari mlnm td setting peralatan utk Daurah Sifat 20. Tarikh : 19.3.22 dan 20.3.22 Hari : I Sabtu dan Ahad</p>
Kemaskini fb Masjid Saidina Ali	Kerja-kerja LIT

	
Aktiviti live streaming	Membantu scan suhu & My Sejahtera

## **PERANCANGAN AKTIVITI LITMSA TAHUN 2022**

### **1) Kelas Mengendalikan Peralatan & Perisian IT MSA**

*Sasaran- AJK LIT, AJK MSA Serta Pegawai*

*Tarikh: 6 Jan 2022*

*Masa : 8.00 malam*

*Tempat: Pejabat MSA*

*Kehadiran: Kurang memuaskan*

### **2) Bengkel livefb untuk muslimat**

*Sasaran- AJK LIT, AJK MSA Serta Pegawai dan AJK Muslimat*

*Cadangan Tarikh:*

### **3) Kursus CANVA 2022 Penyediaan Poster**

*Sasaran- AJK LIT, AJK MSA Serta Pegawai dan AJK Surau-surau*

*Cadangan Tarikh:*

### **4) Bengkel Mengendalikan Peralatan & Perisian IT MSA (siri 2)**

*Sasaran- AJK LIT, AJK MSA Serta Pegawai*

*Cadangan Tarikh:*

### **5) Melengkapkan prasarana IT setanding dengan masjid-masjid yang ternama**

Penambahbaikan Sistem kawalan berpusat di bilik imam melicinkan gerakerja Petugas LIT.

Mewujudkan Pusat kawalan yang lebih kemas dan secure. (Sudah dilaksanakan)


Cadangan penambahan TV di bahagian Muslimat (dalam dewan solat), bahagian sayap kiri dan kanan serta bahagian belakang dewan solat kiri dan kanan bakal memberi effect yang baik kepada jemaah

(Target tahun ini bergantung kepada kewangan masjid)

### **6) Penambahan dan penambahbaikan litar tertutup CCTV untuk peningkatan tahap keselamatan MSA**

Paparan CCTV boleh dipantau oleh Bahagian Keselamatan MSA menerusi handphone atau komputer menerusi internet. Pemantauan umum boleh dilakukan tanpa perlu hadir ke Masjid.

Contoh paparan CCTV bahagian Lobby Masjid Saidina Ali.



## CABARAN-CABARAN YANG TERPAKSA DILALUI

### 1. Kelemahan dalaman LIT

- Sukar melahirkan tenaga sukarelawan yang mahir IT, mengambil masa yang lama
- Kekurangan tenaga kerja sukarelawan di kalangan muslimin
- Kekangan AJK dengan tugas sehari-hari


### 2. Peralatan-peralatan LIT kebanyakan memerlukan kos yang tinggi bergantung kepada kemampuan dana MSA

Yang Menjalankan Amanah

Che Hamid Abdullah  
Pengerusi Lajnah IT  
Masjid Saidina Ali.

# LAJNAH BELIA & SUKAN

Organisasi Jawatankuasa Lajnah Belia Dan Sukan 2021/2022



## MATLAMAT LAJNAH

- Membimbing, Memposisikan Belia Dan Merancang Aktiviti Atas Dasar Dakwah Dan Kemasyarakatan

## LAPORAN AKTIVITI

### AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN TAHUN 2021

BIL	TARIKH	PROGRAM	CATATAN
1	11/9/2021	Gotong royong bersama AJK MSA membersih dan mengecat tiang khemah	Sayap Kiri MSA
2	18/9/2021	Gotong royong bersama AJK MSA membersih dan mengecat tiang khemah	Sayap Kiri MSA
3	26/9/2021	Gotong royong bersama AJK MSA membersih dan mengecat tiang khemah	Sayap Kiri MSA
4	1/10/2022	Gotong royong bersama AJK MSA membersih dan mengecat tiang khemah	Sayap Kiri MSA

## LAPORAN AKTIVITI

### PERANCANGAN AKTIVITI UNTUK TAHUN 2022

BIL	TARIKH	PROGRAM	PENGLIBATAN	CATATAN
1	2/4/2022	Gotong Royong Sempena Menyambut Bulan Ramadhan	Semua AJK Lajnah	Kehadiran Hampir Semua AJK Dapat Menjayakan Program Yang Dirancang
2	4/6/2022	Riadah badminton di Golf Club Resort Bukit Beruntung	Semua AJK /Ahli Kariah MSA	Jika Mendapat Sambutan akan diadakan setiap bulan (Sabtu Minggu Pertama)
3	Jun 2022	Riadah Ukhuwah : Hiking	Semua AJK /Ahli Kariah MSA	Bulanan

## LAPORAN AKTIVITI PERANCANGAN AKTIVITI UNTUK TAHUN 2022

BIL	TARIKH	PROGRAM	PENGLIBATAN	CATATAN
4	Jun 2022	Kembara Dakwah-bersama Lajnah Kebajikan	Semua AJK Lajnah	Bulanan
5		Hari Belia MSA	Semua AJK /Ahli Kariah MSA	Dengan kerjasama KBS
6	Ogos 2022	Riadah Ukhuwah : Hari Kemerdekaan Malaysia	Semua AJK /Ahli Kariah MSA	

**TERIMA KASIH.**



**LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN JENAZAH LELAKI 2021**

43

No	Nama Si Mati	Alamat Kediaman	Umur	Tarikh Kematian	Peserta Khairat	No Permit	No Ahli	No Imam Bertugas	Tempat Pengkebumian	Ulasan
